



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 32 TAHUN 2015**

**PELAKSANAAN BAYARAN DENDA
KEPADA STAF YANG TIDAK HADIR
KURSUS/LATIHAN ANJURAN DALAM
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
30 Oktober 2015

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 31/2015

PELAKSANAAN BAYARAN DENDA KEPADA STAF YANG TIDAK HADIR KURSUS/LATIHAN ANJURAN DALAM DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai pelaksanaan bayaran denda kepada staf yang tidak hadir kursus/ latihan anjuran dalam di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Modal Insan hari ini dilihat sebagai DNA kejayaan profesional dan organisasi. Pengurus Sumber Manusia merujuk modal insan sebagai stok kecekapan, pengetahuan dan sifat-sifat keperibadian yang menentukan keupayaan untuk melaksanakan dan menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan mengoptimumkan kehadiran peserta.

2.2 Bagi merealisasikan hasrat ini, terdapat Pejabat-Pejabat, Pusat-Pusat, Bahagian-Bahagian yang telah diberi tanggungjawab melaksanakan program-program kursus/latihan bagi meningkatkan kompetensi pembangunan modal insan di UTeM dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran.

3.0 TAFSIRAN

“**Latihan**” bermaksud proses perpindahan ilmu pengetahuan secara kemas, berdisiplin dan berterusan. Ia bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi, ia boleh dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja atau seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

“**Kursus**” ialah Kursus Jangka Panjang, Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Pendek.

“**Kursus Jangka Panjang**” ialah kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.

“**Kursus Jangka Sederhana**” ialah kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.

“**Kursus Jangka Pendek**” ialah kursus sepenuh masa termasuk lawatan sambil belajar, latihan, seminar atau bengkel yang tempohnya tidak melebihi tiga (3) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan kelepasan am dan cuti akademik.

“**Anjuran Dalam**” bermaksud kursus/latihan yang dianjurkan/diusahakan oleh Pejabat-Pejabat, Pusat-Pusat dan Bahagian-Bahagian di UTeM untuk staf UTeM seperti Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) Pejabat Pendaftar, Penerbit Universiti, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP), Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP), Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) dan pejabat/pusat lain.

4.0 **PELAKSANAAN DENDA KETIDAKHADIRAN STAF KE PROGRAM KURSUS/ LATIHAN**

4.1 Mana-mana staf yang dijemput menghadiri sesuatu kursus/ latihan tetapi **tidak hadir** dan **tidak memberikan alasan yang munasabah** di atas ketidakhadirannya, maka staf berkenaan dikehendaki membayar denda bagi kursus/ latihan berkenaan melalui potongan gaji. Kadar bayaran denda seperti berikut:

Kumpulan	Kadar Denda
Kumpulan Pengurusan & Professional	RM100
Kumpulan Pelaksana	RM100

4.2 Walau bagaimanapun, pengecualian boleh diberikan kepada staf sekiranya;

- i. Staf memberikan alasan yang munasabah dan disahkan/disokong oleh Ketua PTJ dalam tempoh masa ditetapkan; dan/ atau
- ii. Staf mewakili calon lain bagi menggantikan beliau menghadiri kursus/latihan berkenaan.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Edaran Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 1 November 2015.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

hrd